



Wahid (dua, kiri) dan Presiden Amiran Technology Sdn Bhd, Amir Ahmad (dua, kanan) menunjukkan MoU yang ditandatangani.

### **Jalin kerjasama tingkat tenaga hijau**

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mahu tenaga hijau terus diperkasakan bagi menjamin kelestarian alam semula sekitar demi kepentingan semua pihak.

Justeru itu, universiti berkenaan telah memeterai satu perjanjian persefahaman (MoU) bersama sebuah syarikat tempatan iaitu Amiran Technology Sdn Bhd.

Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razzaly berkata, perjanjian bertujuan meningkatkan peluang kerjasama terhadap penyelidikan tenaga hijau khususnya dalam membangun produk baharu bersama.

Katanya, syarikat tersebut dipilih kerana kejayaan mereka menghasilkan MyHydro iaitu produk yang berfungsi memecahkan air kepada gas hidrogen dan

oksigen menggunakan proses elektrolisis terkawal.

"Dengan termeterainya kerjasama strategik ini, kedua-dua pihak telah ber-setuju untuk bekerjasama dalam pengujian bagi meningkatkan mutu produk MyHydro yang telah dihasilkan itu.

"Kedua pihak juga bersetuju melaksanakan pembangunan operasi dengan adanya makmal pembakaran dalam yang dilengkapi fasiliti dan peralatan pengujian," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, MoU secara keseluruhannya menjadi perianda aras dalam hubungan universiti-industri yang memperbaiki kualiti kerja berimpak tinggi dan memenuhi piawaian dalam skop penghasilan produk MyHydro dengan tenaga hijau.